

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JULAI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3

Naik gaji secara berperingkat

Naik gaji secara berperingkat

Rafizi minta
Cuepacs fahami
kekangan kewangan
ditanggung kerajaan

Oleh NURUL HIDAYAH
HAMID
ALOR SETAR

Kongres Kesatuan Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) di Alor Setar dikejutkan dengan kenyataan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, bahawa kerajaan tidak akan memenuhi tuntutan kenaikan gaji minimum untuk penjawat awam.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli memberi bayangan tuntutan tersebut tidak boleh dipenuhi segera, namun memberi jaminan kenaikan itu akan dilakukan secara berperingkat bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Menurut Rafizi, kerajaan memahami tindakan Cuepacs berbuat demikian adalah bagi memberi keselesaan dan meringankan kos sara hidup

kakitangan awam.

Katanya, mana-mana pihak sama ada sektor swasta atau sektor awam, mereka mempunyai hak untuk membuat tuntutan kenaikan gaji masing-masing setiap tahun.

"Saya pasti Cuepacs sedia maklum bahawa kerajaan ada kekangan. Cuma kerajaan Persekutuan dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (Perdana Menteri) sekarang nak tumpu begini, (jadi) kita tidak bolehlah untuk tunai semua serta-merta," katanya.

Beliau berkata sedemikian pada sidang akhbar selepas Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Royal Kedah Club, di sini pada Ahad.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

Rafizi menegaskan, kerajaan tidak pernah memandang remeh tuntutan dikemukakan Cuepacs yang sejajar dengan kenaikan kos sara hidup ketika ini.

Beliau juga menegaskan, kerajaan sentiasa mengutamakan tuntutan Cuepacs termasuklah kenaikan gaji minimum dan imbuhan, yang mana ia dibincangkan dari masa ke masa.

"Cuma saya harap Cuepacs dapat terus berbincang mengenai gaji progresif ini, tetapi ia tidak boleh berlaku secara tiba-tiba.

"Saya yakin kerajaan ada kerangka sasaran kenaikan gaji dari setahun ke setahun agar berlaku secara sistematik, itu yang cuba kami lakukan.

"Kita perlu lihat dalam masa lima, 10 tahun macam mana kesan kewangan, berapa gaji per-



Rafizi (kanan) bersama Muhammad Sanusi selepas Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal RMK12 di Alor Setar pada Ahad.

lu naik. Sebab itu kita kena laksana secara berperingkat dasar sistem gaji progresif ini," ujar beliau.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan kerajaan akan berusaha mencari kemampuan terbaik setiap tahun bagi memastikan kenaikan gaji secara tersusun untuk penjawat awam.

"Jika tidak ada model gaji progresif ini memang dia serah buta-buta kepada majikan (dan memang tak naik sampai bila-bilalah.

"Jadi itulah yang kami cuba nak buat dan saya faham dalam kerajaan pun ada kebimbangan yang besar, ini boleh buat ke, apa kesannya kepada kewangan kerajaan?" katanya.

Beliau berpandangan, kerajaan harus berbuat sesuatu berhubung isu gaji tersebut dan perkara itu sedang diusahakan ketika ini.

Sabtu lalu, *Sinar Harian* melaporkan Cuepacs berharap Jemaah Menteri dapat memberikan kelulusan segera cadangan untuk memulakan pasukan yang akan mengkaji semula skim gaji perkhidmatan awam.

Ia termasuk cadangan kenaikan gaji minimum RM1,800 dengan kenaikan gaji tahunan, pelaksanaan elaun bandar raya sebanyak RM500 sebulan dan menambah imbuhan tetap perumahan kepada RM450 berbanding RM300 sekarang.

Tuntutan Cuepacs itu susulan jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat bahawa kerajaan akan mengkaji semula skim gaji perkhidmatan awam di seluruh negara, dengan perbincangan mengenai akan dibawa ke dalam mesyuarat Jemaah Menteri minggu ini berikutan kali terakhir ia disemak adalah pada tahun 2013.

Bincang minggu depan
skim gaji penjawat awam



Keratan akhbar *Sinar Harian*
pada Sabtu.